

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH : 17 April 2017

SOALAN

Tuan Chia Song Cheng minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah prosedur Kementerian untuk memastikan bahawa setiap tempat perlindungan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak menepati 'standard' yang ditetapkan dalam Garis Panduan dan Piawaian Tempat Perlindungan bagi Mangsa Keganasan Rumah Tangga dalam memastikan setiap tempat perlindungan dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius mengenai kebijakan mangsa keganasan rumah tangga. Kementerian melalui agensi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memilih tempat perlindungan yang terdiri daripada institusi yang diselenggara atau diuruskan oleh JKM sendiri atau mana-mana agensi atau pertubuhan sukarela lain yang diluluskan oleh Menteri atau mana-mana tempat lain yang sesuai yang mana penghuninya bersedia untuk menerima mangsa buat sementara waktu. Bagi tempat perlindungan dibawah kendalian NGO, beberapa kriteria telah ditetapkan sebelum diluluskan oleh Menteri iaitu : i. Perlu berdaftar dibawah Akta Pusat Jagaan 1993 ii. NGO berkenaan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) iii. Memenuhi standard minumum JKM iv. Menyediakan kemudahan dan peralatan yang bersesuaian v. Mematuhi nisbah penghuni dengan ruang lantai pusat berkenaan. Peranan dan Tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat Dalam memastikan kebijakan mangsa keganasan rumah tangga dilindungi semasa ditempatkan di tempat perlindungan yang telah ditetapkan, pegawai JKM boleh : i. Membantu mangsa menfailkan aduan; ii. Menyediakan atau mengaturkan pengangkutan ke kediaman alternatif sekiranya diperlukan; iii. Menjelaskan hak untuk mendapatkan tempat perlindungan; iv. Mengadakan atau mengaturkan pengangkutan ke hospital/tempat kemudahan perubatan bagi rawatan kecederaan jika perlu; v. Membantu menemani mangsa ke kediaman untuk mengambil barang-barang kepunyaannya. Selain itu, jika mangsa bersetuju untuk mendapatkan perkhidmatan lain semasa ditempatkan di rumah perlindungan atau tempat selamat, JKM akan memberikan perkhidmatan seperti berikut : i. Menyediakan khidmat kaunseling oleh pegawai Kaunselor; ii. Membantu urusan mendapatkan IPO/PO; iii. Menyediakan program pemulihan; iv. Merujuk mangsa kepada agensi-agensi lain; v. Membuat aduan polis; vi. Mempertimbangkan bantuan kewangan. Pihak KPWKm kini telah menyiapkan draf Rang Undang-undang Keganasan Rumah tangga dan akan dibentangkan di Parlimen yang memberi penambahbaikan kepada aspek kebijakan mangsa serta tindakan yang diambil dari aspek perlindungan.

